

Aktiviti : MESYUARAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN BIL.2/2025

Tarikh : 10 Mac 2025 / 9 Ramadhan 1446 H

Tempat : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster, INSTUN

Tujuan : Bagi melaporkan perancangan dan prestasi pengurusan dan kewangan Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) bagi tempoh sehingga 1 Mac 2025.

Penglibatan: Kakitangan pengurusan dan profesional di Bahagian Ukur dan Pemetaan.

Mesyuarat Pengurusan dan Kewangan Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN Bil.2/2025 yang diadakan pada hari isnin minggu ke-11 bagi tahun 2025 ini telah dipengerusikan oleh Sr Mohd Zaidi bin Zakaria, iaitu Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan Baharu di bahagian.

Dalam mesyuarat yang diadakan tersebut, tuan pengerusi mengucapkan penghargaan kepada Sr Ahmad bin Omar yang akan bertukar keluar ke JUPEM Ibu Pejabat setelah berkhidmat di INSTUN dari Julai 2022 sehingga pertengahan Mac 2025. Penghargaan juga kepada Encik Adam Ngu bin Abdullah yang telah bertukar keluar ke JUPEM Ibu Pejabat pada hari mesyuarat ini diadakan. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Sr Zakaria bin Abdullah di atas kenaikan ke Gred J12.

Di dalam mesyuarat yang diadakan ini, semua seksyen dan unit melaporkan kedudukan semasa untuk pelaksanaan dan prestasi pencapaian yang telah disempurnakan sehingga bulan Mac 2025. Bahagian Ukur dan Pemetaan mengucapkan selamat maju jaya kepada pegawai yang bertukar keluar dan selamat datang kepada pegawai Baharu. Semoga bahagian ini akan terus dipacu ke arah kecemerlangan.



